

24 AUG 2003

Kadir-Sambutan (Bergambar)

LEBIH 200,000 DIJANGKA BANJIRI DATARAN MERDEKA PADA MALAM MERDEKA

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Lebih 200,000 orang dijangka membanjiri kawasan Dataran Merdeka pada malam Hari Kebangsaan bagi memeriahkan Sambutan Ambang Kemerdekaan anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Menteri berkenaan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata Kementerian menjanjikan kelainan pada sambutan kali ini yang dianggap antara yang terbesar pernah diraikan.

Beliau meminta warga kota hadir memeriahkan sambutan bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada malam itu.

"Seperti yang semua tahu, ini merupakan kali terakhir Perdana Menteri kita menyambut ambang kemerdekaan bersama kita," katanya kepada pemberita sebelum menyaksikan raptai persembahan Brass-Band dan anggota berkuda Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Dataran Merdeka hari ini.

Beliau berkata pelbagai acara termasuk - cubaan Jayabarathy a/p Letchemanah, 19, menarik empat buah kereta TD2000 dengan rambut dan persembahan harmonika teramai oleh 460 peniup harmonika - untuk dicatatkan dalam The Malaysia Book Of Records, akan dilangsungkan pada malam itu.

Abdul Kadir berkata artis seperti kumpulan Too Phat, Aqasha, Ella dan Ogy Ahmad Daud akan menyanyikan lagu-lagu patriotik selain pertunjukan bunga api dan pelepasan 46,000 belon berwarna-warni.

Kemuncak acara pada malam itu ialah kiraan detik 12 malam dan laungan "Merdeka" sebanyak tujuh kali, didahului oleh Dr Mahathir.

Sambutan Ambang Kemerdekaan akan turut disambut serentak di seluruh negara iaitu di setiap ibu negeri dan daerah.

Abdul Kadir berkata Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) akan mengadakan lintas langsung mulai pukul 9.30 malam dari Dataran Merdeka, Kangar, Shah Alam, Kota Bahru, Kota Kinabalu dan Miri.

Di sekitar Lembah Klang pula, sambutan Ambang Kemerdekaan akan turut diadakan di Taman KLCC, Sunway Lagoon, Bukit Bintang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Litar Antarabangsa Sepang dan KL Sentral.

-- BERNAMA

NN SSA LAT